

TARIKH	05 / 01 / 2011	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Nasional

Menu haji dijamin bersih, ikut piawaian

Makkah: Anak syarikat Tabung Haji, TH Global Services, memberi jaminan bahawa makanan yang disediakan untuk jemaah haji Malaysia di Tanah Suci adalah bersih dan mengikuti piawaian tertinggi. Kerajaan Arab Saudi, meskipun kebanyakannya bahan mentahnya diimport.

Ketua Pegawai Operasi TH Global Services, Adly Mohamed, berkata jemaah haji tidak perlu bimbang kerana penyediaan makanan di sembilan dapurnya iaitu lima di Makkah, tiga di Madinah dan satu Jeddah, adalah mengikuti piawaian ditetapkan Kerajaan Arab Saudi dan Malaysia.

Kebersihan dapur, bahan mentah diperiksa

"Tahap kebersihan dan kesegaran dapur dan bahan mentah kita akan diperiksa pada setiap masa oleh pegawai kesihatan dari Malaysia dan

Arab Saudi, menu makanan disediakan oleh pakar makanan dari Malaysia," katanya kepada media yang meninjau 'rumah masak' atau dapur TH Global Services di Wadi Na-seem.

Dapur dilengkapi teknologi Eropah

Dapur itu yang berada dalam sebuah bangunan dua tingkat terletak kira-kira 11 kilometer dari Ibu Pejabat Tabung Haji.

Adly yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan penyajian makanan di hotel antarabangsa berkata, ada bahan mentah yang perlu dibawa dari Malaysia seperti lengkuas dan beberapa jenis rempah.

Setiap hari dapur itu yang dilengkapi dengan teknologi Eropah akan menyediakan makanan tengah hari dan ma-

lam untuk kira-kira 5,000 orang.

"Dalam sehari, kita akan masak sebanyak 15 gumi beras panjang dari Thailand untuk jemaah haji kita. Kita juga perlu memastikan pekerja di sini memasak nasi dan lauk pauk mengikut resipi Malaysia," katanya.

Seramai 41 tu-kang masak termasuk penyelia didatangkan khas dari Malaysia dan semua mereka melalui proses temu duga dan ujian yang ketat, katanya.

Cerewet dalam makanan

Beliau juga tidak menafikan bahawa jemaah haji Malaysia sangat cerewet dalam soal makanan berbanding jemaah negara lain yang terpaksa menikmati makanan ala kadar saja.

"Ada jemaah dari negara jiran hanya makan nasi, kicap dan ikan goreng. Mereka ini kadang-kadang mencuri masuk ke khemah jemaah haji Malaysia untuk menikmati makanan kita. Itu pun, masih ramai jemaah kita yang masih tidak berpuas hati dengan rasa makanan yang kita hidangkan," katanya.

Kantin berbayar disedia

Katanya bagi menampung selesa berbeza jemaah, pihaknya turut menyediakan perkhidmatan restoran atau kantin berbayar yang akan memasak makanan mengikut cita rasa jemaah.

Setiap juadah makanan yang disediakan TH Global ditanggung Tabung Haji dengan kos antara 9 riyal hingga 10 riyal (1 Saudi riyal bersamaan RM0.8143) termasuk kos pembungkusan dan pengangkutan, katanya.

BERNAMA

